

MOH: Khidmat jagaan emas sebumbung kini model arus perdana

Warga emas boleh kongsi flat atau kediaman peribadi dengan warga emas lain, disokong kakitangan jagaan yang sediakan bantuan harian asas



Menteri Penyeras bagi Dasar Sosial menangkan Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, (dua dari kanan) bergambar di stesen Kopiam Tales tempat para sukadawan menghidangkan kopi kepada warga emas sebagai salah satu aktiviti Home Away from Home. — Foto ST

Tidak lama lagi, warga emas yang merrah untuk mana dalam masyarakat akan berpindah berkoloni flat atau kediaman peribadi dengan warga emas lain, disokong oleh kakitangan penjagaan yang menyediakan bantuan harian asas.

Kementerian Kesihatan (MOH) mengumumkan pada 10 Disember bahawa Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas 'Tinggal Bersama akan menjadi model utama, lapor The Straits Times (ST).

Syarikat yang berminat boleh memohon sokongan operasi, termasuk kuota pekerja asing tambahan, pilihan rekruit dari negara sumber bukan tradisional, dan subsidi latihan sehingga 90 peratus bagi kakitangan penjagaan model.

MOH dan Agensi Penjagaan Bese-pada (AIC) juga mencetuskan Panduan Amalan Baik untuk syarikat, pelanggan dan keluarga.

Model kediaman ini meluaskan pilihan untuk warga emas, yang tinggal bersama jiran dan Apartemen Penjagaan Masyarakat (CCA) sedia ada.

Berlepas pada ulang tahun ke-5 Perkhidmatan Berasaskan Kediaman St Luke's ElderCare (SLEC), Menteri Penyelaras bagi Dasar Sosial menangkan Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, berkata model tinggal bersama lebih praktikal berbanding setiap warga emas mengaji penjaga domestik.

"Seboleh mungkin, kita harus menyokong warga emas menjalani kehidupan aktif dan bahagia kerana itu terbaik untuk kesejahteraan mereka," katanya.

Keputusan menjadikannya model utama ini adalah hasil inisiatif medan ujian dilancarkan pada September 2023 untuk menguji model penjagaan baru dan membantu warga emas mana da-

lan masyarakat.

Ujian tersebut menempatkan warga emas dalam kediaman sama dengan sokongan kakitangan penjagaan menyediakan bantuan harian, makanan, kerja rumah dan aktiviti sosial.

Sehingga akhir September 2025, lima syarikat — Red Cross Senior Living, St Bernadette Lifestyle Village dan francisnya BlueAtria dan Muelin, serta GROW — telah berkhidmat kepada 232 pelanggan.

Sebelum ujian tersebut, pengendali perkhidmatan berasaskan kediaman menghadapi cabaran kekurangan tenaga kerja.

St Bernadette, misalnya, memulakan perkhidmatan pada 2015 tetapi agak berkesukaran.

Dengan sokongan tenaga kerja, ia berjaya mengembangkan operasi kepada sembilan kemudahan dalam masa 18 bulan.

Facility terbaru, di Duku Road, dibuka pada Jun 2025.

Dr Wee berkata kakitangannya ialah pekerja terlatih yang berfungsi sebagai ketua penjagaan dan boleh mendapatkan bantuan daripada Good Shepherd Loft apabila diperlukan.

Good Shepherd sebuah rumah jagaan di Bukit Timah, turut diwujudkan oleh Dr Wee.

Red Cross pula tempelan mengubah model operasi selepas didenda pada 2024 kerana menggaji pekerja domestik asing tinggal dalam socera tidak sah.

MOH mengesakan keluarga masih perlu terlibat dalam keputusan penjagaan, manakala pengendali mesti menyampaikan perkhidmatan secara selamat dan profesional.

Aka pelanggan memerlukan perkhidmatan berlesen, pengendali wajib mengaturnya.

MOH berkata kerjasama antara keluarga, penyedia dan kakitangan penjagaan merupakan kunci kejayaan perkhidmatan.

Sambutan SLEC ke-5 diadakan di SLEC Residence @ Ang Mo Kio, rumah jagaan pertamanya.

Merajang 2026, dua lagi rumah jagaan akan dibuka, menjadikan kapasiti melebihi 650 katil.

Encik Ong berkata MOH akan terus menyediakan pelbagai pilihan penjagaan.

Bagi mereka yang memerlukan penjagaan peribadi di rumah, MOH akan menambah baik perkhidmatan dan di seluruh Singapura pada awal 2026.

Bekas menambah apabila warga emas berpindah antara perkhidmatan penjagaan, proses itu masih lancar.

"Apabila itu berlaku, kita mesti memastikan prosesnya lancar," kata Encik Ong.

"Penyedia penjagaan baru perlu mengetahui keadaan kesihatan warga emas, termasuk alahan dan ubat diambil, sebelum kelulusan mereka. Jika tidak, penjagaan akan terjejas."

Dasar baru diperlukan untuk memastikan proses integrasi itu lancar.

Pada Januari 2026, MOH akan membenarkan Rang Undang-Undang Muklumat Kesihatan untuk mengawal perkongsian data pesakit-persekitaran klinikal dan masyarakat.

Ini akan memudahkan peralihan warga emas antara persekitaran penjagaan tanpa perlu melalui soal jawab pengumpulan data atau ujian berulang.

Perkongsian data asas seperti nama dan alamat warga emas berisiko membahayakan agensi awam, AIC dan kawasan penjagaan kesihatan awam menyeyorok dengan lebih berkesan, kata Encik Ong.